



PETANQUE CAMPURAN



PERATURAN DAN SYARAT PERMAINAN **PETANQUE CAMPURAN**

1.0. NAMA

1.1. Pertandingan ini dinamakan

“KEJOHANAN PETANQUE CAMPURAN SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”.

2.0. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 30 Ogos 2026 - 1 September 2026
Tempat : **Gelanggang Petanque, MRSM Arau, Perlis**

3.0. PENGANJURAN

- 3.1. Jawatankuasa Penganjuran akan menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berhubungkait dengan kejohanan ini adalah muktamad.
- 3.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian permainan menurut cara yang difikirkan sesuai.
- 3.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau peserta yang tidak mematuhi peraturan dan syarat kejohanan.

4.0. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1. Undang-undang dan peraturan acara sukan ini akan merujuk kepada Peraturan Rasmi Antarabangsa Sukan Petanque The Official International Rules of Game of Petanque dan **Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026.**
- 4.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di para 4.1. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

5.0. PENYERTAAN

- 5.1. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar lapan (8) orang pemain sahaja (empat (4) pemain lelaki dan empat (4) pemain wanita) termasuk pemain simpanan dan seorang pengurus/pegawai iringan.

6.0. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1. Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**
- 6.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontijen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa Taklimat pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0. ACARA PERTANDINGAN

- 7.1. Pertandingan akan dijalankan secara terbuka, kategori adalah seperti berikut:
 - 7.1.1. Beregu Lelaki
 - 7.1.2. Beregu Wanita
 - 7.1.3. Beregu Campuran

8.0. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 8.1. Di sepanjang kejohanan ini berlangsung, 'Jack' jenis kayu akan digunakan. Setiap pasukan/negeri dikehendaki menyediakan 'Jack' masing-masing. Walaubagaimanapun Jawatankuasa Penganjur akan menyediakan 'Jack' bagi mana-mana pasukan yang tidak mempunyai 'Jack'.
- 8.2. Penentuan Permulaan Perlawanan:
 - 8.2.1. Undian dibuat dengan cara melambung dua biji bola (satu biji setiap pasukan). Bola pasukan yang berada dihadapan, pasukan itu akan memulakan perlawanan ATAU;
 - 8.2.2. Undian dibuat dengan cara melambungkan dua biji bola bersama dengan 'jack' (satu biji setiap pasukan). Bola pasukan yang berada hampir dengan 'jack' akan memulakan perlawanan.
- 8.3. Setelah 'jack' dibaling, pemain mempunyai satu minit untuk membalikkan bolanya.
- 8.4. Jika bola pemain lawan berjauhan dengan 'jack' berbanding dengan pemain pertama, pemain-pemain pasukan lawan hendaklah membalikkan bola sehinggalah mereka dapat mengatasinya.

- 8.5. Pasukan yang mendapat 11 mata dikira pemenang untuk Pusingan Peringkat Kumpulan atau masa maksima setiap permainan adalah 45 minit untuk setiap regu. Perlawanan Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan menggunakan format pasukan yang mendapat 13 mata akan dikira pemenang.

9.0. SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 9.1. **** Sila rujuk para 9 dan 10 dalam Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026.**

10.0. SISTEM PEMBERIAN MATA /MENENTUKAN KEMENANGAN

- 10.1. Pertandingan peringkat kumpulan yang dijalankan secara liga, sistem pemberian mata adalah seperti berikut:

MENANG	3 Mata
KALAH	0 Mata

- 10.2. Jika kiraan mata diperolehi sama banyak oleh dua (2) pasukan, maka keputusan pertandingan **peringkat awal antara dua (2) pasukan berkenaan** akan diambil kira sebagai pemenang.

11.0. JERSI / PAKAIAN PEMAIN

- 11.1. Tiap-tiap pasukan hendaklah berpakaian kemas seragam bersesuaian dengan acara ini.

12.0. TINDAKAN TATATERTIB

- 12.1. Hukuman berikut adalah merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik:

- 12.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang pertandingan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, pemain tersebut akan digantung satu perlawanan berikutnya.

13.0. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur **KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026** dan segala keputusan adalah muktamad.



BORANG PENDAFTARAN PEMAIN PETANQUE CAMPURAN

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		

Ketua Kontinjen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh



BORANG PENDAFTARAN PERLAWANAN PETANQUE CAMPURAN

KONTIGEN : _____

KONTIGEN LAWAN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
PASUKAN LELAKI		
1.		
2.		
PASUKAN WANITA		
1.		
2.		
PASUKAN CAMPURAN		
1.		
2.		

BIL.	NAMA PEMAIN SIMPANAN	NO. GAJI
1.		
2.		

.....
Pengurus Pasukan

.....
Tarikh